

## KENYATAAN JUALAN LELONGAN HAIWAN

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Klang akan mengadakan jualan lelong haiwan seperti berikut:-

Tarikh : **16 Januari 2019 (Rabu)**  
Masa : **10.00 Pagi**  
Tempat : **Pusat Kurungan Haiwan Sementara MPK, Lot 1,  
Lebuh Sultan Mohamed 1, Bandar Sultan  
Suleiman, Pelabuhan Utara, 42000 Klang,  
Selangor**

2. Senarai Haiwan yang akan dilelong adalah seperti di KEW.AH-25. Semua haiwan boleh dilihat pada tarikh **7 Januari 2019 hingga 11 Januari 2019 (Isnin hingga Jumaat)** di alamat Pusat Kurungan Haiwan Sementara MPK, Lot 1, Lebuh Sultan Mohamed 1, Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Utara, 42000 Klang, Selangor di **antara jam 2.30 petang hingga 4.30 petang**.

3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-

- i. Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- ii. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan awam, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, no. Kad pengenalan dan alamat pada hari yang sama sebelum lelongan dijalankan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksimum RM1,000.
- iii. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, haiwan berkenaan akan dilelong semula.
- iv. Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.AH-26 dan menarik balik mana-mana haiwan daripada senarai tersebut.
- v. Semua haiwan adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).

- vi. Semua perbelanjaan bagi mengangkut haiwan hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
- vii. Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan.
- viii. Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
- ix. Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh pada hari pengambilan haiwan. Haiwan hendaklah diambil dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh lelongan. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya.
- x. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas haiwan yang telah dijual.

**SENARAI HAIWAN YANG DILELONG**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

<b>BIL</b>	<b>PENJENISAN/ BAKA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SIMPANAN (RM)</b>	<b>LAMPIRAN</b>
1	Lembu kacukan (Bovine)	1 ekor	3,000.00	